

TELFAST®-D TABLET

Fexofenadine Hydrochloride / Pseudoephedrine Hydrochloride (60mg /120mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Telfast-D
2. Bagaimana Telfast-D berfungsi
3. Sebelum mengambil Telfast-D
4. Cara menggunakan Telfast-D
5. Semasa menggunakan Telfast-D
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Telfast-D
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Telfast-D

Telfast-D digunakan oleh orang dewasa dan remaja berumur 12 tahun dan ke atas. Ia digunakan untuk melegakan gejala-gejala yang berlaku bersama-sama dengan demam alergi (rinitis alergi bermusim) seperti bersin, mata berasa gatal, merah atau berair, hidung gatal atau berair, tekak gatal dan hidung tersumbat.

Bagaimana Telfast-D berfungsi

Telfast-D mengandungi dua bahan aktif iaitu *fexofenadine hydrochloride* (antihistamina) dan *pseudoephedrine hydrochloride* (dekongestan). Antihistamina berfungsi dengan menyekat tindakan histamina untuk mengurangkan simptom alahan. Dekongestan berfungsi dengan mengurangkan kesesakan pada sistem pernafasan di bahagian atas untuk memudahkan pernafasan.

Sebelum mengambil Telfast-D

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Telfast-D jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap *fexofenadine hydrochloride* atau *pseudoephedrine hydrochloride* atau mana-mana bahan-bahan lain ubat ini (yang disenaraikan dalam 'Maklumat Lanjut' di bawah).
- Anda mempunyai tekanan tinggi dalam mata (*narrow angle glaucoma*)
- Anda mempunyai masalah kencing tidak lawas (ketidakupayaan untuk mengosongkan pundi kencing).
- Anda mempunyai masalah kencing tidak lawas yang berkaitan dengan gangguan uretra dan prostat
- Anda sedang mengambil *monoamine oxidase inhibitor* atau baru-baru ini telah menghentikan rawatan anda dalam tempoh 14 hari (rujuk kepada

'Jika mengambil ubat-ubat lain')

- Anda mempunyai tekanan darah tinggi yang serius atau tekanan darah tinggi yang tidak dapat dikawal dengan ubat-ubatan
- Anda mempunyai penyakit arteri koronari yang teruk (penyakit jantung yang disebabkan oleh aliran darah yang tidak mencukupi atau penyempitan salur darah di jantung)
- Anda sensitif terhadap agen adrenergic lain. (Simptom termasuk *insomnia*, pening, lemah, *tremor* atau denyutan jantung yang tidak seragam)
- Anda mempunyai sejarah sawan
- Anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk sama ada akut (secara tiba-tiba) atau kronik (jangka panjang), atau kegagalan buah pinggang

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Jangan gunakan ubat ini jika mana-mana di atas berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Telfast-D.

Mengandung atau menyusukan bayi
Bincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- sedang mengandung atau anda merancang untuk mengandung
- sedang menyusukan bayi atau mungkin mula menyusukan bayi

Pseudoephedrine boleh dikeluarkan melalui susu ibu.

Telfast-D hanya digunakan semasa mengandung atau menyusukan bayi jika faedah mewajarkan potensi risiko kepada janin atau bayi yang menyusu.

- Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor anda sebelum mengambil Telfast D jika:

- Anda mempunyai tekanan darah tinggi
- Anda menghidapi diabetes
- Anda mempunyai penyakit jantung dan aliran darah yang lemah dalam saluran darah jantung anda
- Anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif (hipertiroidisme)
- Anda mempunyai tekanan tinggi dalam mata (glaukoma)
- Anda mempunyai masalah prostat

(termasuk pembesaran prostat)

- Anda mempunyai penyakit buah pinggang
- Anda sedang mengambil antihistamina atau dekonjestan yang lain
- Anda seorang warga tua.
- Anda mengalami hipersensitiviti atau reaksi berlebihan terhadap ephedrine
- Anda pernah mengalami strok
- Anda mempunyai masalah mental (psikosis)
- Anda mengalami sakit kepala yang baru berlaku atau semakin teruk

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana berkenaan dengan anda, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Telfast-D.

Maklumkan kepada doktor gigi, ahli farmasi atau doktor anda jika anda merancang untuk menjalani pembedahan. Jika anda belum memaklumkan kepada doktor gigi, ahli farmasi atau doktor tentang mana-mana perkara di atas, beritahu mereka sebelum anda mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, vitamin atau suplemen yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- *Erythromycin* (antibiotik digunakan untuk merawat jangkitan bakteria) atau *ketoconazole* (digunakan untuk merawat jangkitan fungus)
- *Monoamine oxidase inhibitor* (MAOI) digunakan untuk merawat kemurungan
- Ubat antihipertensif (seperti *methyldopa*, *mecamylamine* dan *reserpine*)
- *Digitalis* (seperti *digoxin*)-digunakan untuk merawat pelbagai keadaan jantung.
- *Quinidine* (digunakan untuk merawat degupan jantung tidak teratur)
- *Tricyclic antidepressant* (digunakan untuk merawat kemurungan)
- *Sympathomimetic amines* atau

vasoconstrictor agents lain (ubat-ubatan yang merangsang sistem saraf atau menyempitkan salur darah)

- *Apalutamide* (ubat untuk kanser prostat)
- *Antacid*

Ubat-ubatan ini mungkin dipengaruhi oleh Telfast-D, atau boleh mempengaruhi keberkesanannya. Anda mungkin perlu menggunakan dos ubat yang berbeza atau mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan. Ahli farmasi atau doktor anda akan menasihati anda. Ahli farmasi atau doktor anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti tentang ubat, vitamin atau suplemen yang anda ambil dan sama ada ini memberi kesan kepada Telfast-D.

Cara menggunakan Telfast-D

- Sentiasa mengambil Telfast-D tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti
- Telan tablet anda secara oral dengan segelas air. Elakkan mengambil tablet ini bersama jus buah-buahan.
- Jangan memecahkan atau mengunyah tablet anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas

- Dos yang disyorkan adalah satu tablet dua kali sehari.
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, dos yang disarankan adalah satu tablet setiap hari.

Telfast-D tidak digalakkan untuk digunakan pada kanak-kanak di bawah 12 tahun.

Warga tua

Gunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai masalah fungsi hati, buah pinggang atau jantung dengan penyakit atau rawatan lain.

- Bila perlu digunakan

Ambil Telfast-D pada waktu yang sama setiap hari kecuali doktor anda memberitahu anda sebaliknya. Ambil tablet anda sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Telfast-D sehingga doktor memberitahu anda untuk berhenti.

- Jika terlupa menggunakan

- Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, minta nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih daripada dos yang diperlukan, beritahu doktor atau pergi ke jabatan hospital kecemasan dengan segera. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala mengambil terlebih dos termasuk pening, mengantuk, mulut kering, sakit kepala, loya, muntah-muntah, berpeluh, dahaga, tekanan darah tinggi, kadar jantung yang luar biasa cepat, denyutan jantung yang tidak teratur, sakit dada, mudah marah, sawan, kesukaran membuang air kecil, lemah otot dan ketegangan, kebimbangan, kegelisahan dan insomnia. Sesetengah pesakit mungkin mengalami khayalan, halusinasi, kegagalan peredaran darah, koma, dan kegagalan pernafasan.

Semasa menggunakan Telfast-D

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Telfast-D.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda jika gejala anda tidak bertambah baik.
- Jika anda merancang untuk menjalani pembedahan yang memerlukan bius am, maklumkan kepada doktor atau doktor gigi bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang samaseperti anda.
- Jangan gunakan ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.
- Jangan berhenti mengambil Telfast-D, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.
- Jangan ambil ubat ini melebihi dos yang diarahkan oleh ahli farmasi atau doktor anda.
- Jangan ambil ubat ini bersama jus buah atau *antacid*.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin Telfast-D boleh menyebabkan sesetengah orang berasa pening. Jika ini berlaku, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Bahan tidak aktif dalam ubat ini kadangkala boleh dikeluarkan melalui najis, dan mungkin kelihatan seperti tablet asal.

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda, kerana salah satu bahan aktif dalam Telfast-D, iaitu *pseudoephedrine*, mempunyai potensi untuk disalahgunakan, dan pengambilan *pseudoephedrine* dalam dos yang tinggi boleh menjadi toksik. Penggunaan berterusan boleh menyebabkan pengambilan Telfast-D melebihi dos yang disyorkan untuk mendapatkan kesan yang diinginkan, dan meningkatkan risiko terlebih dos. Dos maksimum dan tempoh rawatan yang disyorkan tidak boleh dilebihi (rujuk bahagian Cara menggunakan Telfast-D).

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diinginkan tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Jangan terkejut dengan kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami dalam senarai ini.

Anda kemungkinan besar tidak akan mengalami mana-mana daripada mereka

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang berikut:

- Sakit kepala
- Insomnia

-Loya
 -Mulut kering
 -Masalah penghadaman (*dyspepsia*)
 -Kerengsaan tekak
 -Pening
 -Agitasi
 -Sakit belakang
 -Kegelisahan
 -Kebimbangan
 -Jangkitan pada sistem pernafasan di bahagian atas
 -Sakit perut
 -Rasa degupan jantung yang laju atau kuat (berdebar-debar)
 -Halusinasi
 -Gejala mania, seperti Mood tinggi atau mudah marah, Keyakinan diri yang berlebihan, Resah, Fikiran meluru, Bercakap terlalu cepat, Mudah terganggu tumpuan
 -Keadaan otak sementara yang boleh menyebabkan sakit kepala, kekeliruan, atau perubahan penglihatan (*Posterior reversible encephalopathy syndrome (PRES)*)
 -Keadaan jangka pendek di mana salur darah di otak menjadi sempit dan menyebabkan sakit kepala yang teruk (*Reversible cerebral vasoconstriction syndrome (RCVS)*)
 -Strok
 -Sawan
 -Mengantuk
 -Gegaran (*tremor*)
 -Degupan jantung tidak teratur (*arrhythmia*)
 -Degupan jantung terlalu laju (*tachycardia*)
 -Tekanan darah tinggi
 -Muntah
 -Radang usus besar dengan gejala (*ischemic colitis*)
 -Sesak nafas
 -Reaksi kulit yang teruk: *Acute generalized exanthematous pustulosis (AGEP)*
 -Ruam
 -Gatal-gatal dengan bengkak pada kulit (*urticaria*)
 -Kegatalan
 -Berpeluh berlebihan
 -Kesukaran membuang air kecil (*Dysuria*)
 -Tidak dapat membuang air kecil (*urinary retention*)
 -Dahaga
 -Keletihan
 -Kelemahan luar biasa
 -Sakit dada

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Telfast-D

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sebarang aspek perubatan anda, atau sebarang pertanyaan mengenai maklumat di dalam risalah ini, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Penyimpanan

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat melihat atau capai.
- Jangan menggunakan Telfast-D selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada label dan karton. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Simpan pada suhu bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Telfast-D ialah tablet dua lapisan, terdiri daripada satu lapisan berwarna putih dan satu lapisan berwarna tan, dengan salutan filem jernih. Tablet ini mempunyai ukiran "06/012D" pada lapisan berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif:

- fexofenadine hydrochloride 60mg
- pseudoephedrine hydrochloride 120mg

- Bahan-bahan tidak aktif

- *microcrystalline cellulose*
- *pregelatinized starch*
- *croscarmellose sodium*
- *magnesium stearate*
- *carnauba wax*
- *stearic acid*
- *colloidal silicon dioxide*
- *opadry YS-1-7006*

- Nombor MAL:

MAL20040553ARZ

Pengilang

Opella Healthcare
 International SAS,
 Compiègne, France

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
 B-11-01, The Ascent, Paradigm, No.
 1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya
 47301 Petaling Jaya Selangor
 Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

20/05/2026

Nombor siri

BPFK(R4/1)100915/00316